

05 JUL 1999

Mahathir-MAPEN

PEMBANGKANG ENGGAN SERTAI MAPEN II SEBAB TAK ADA RASA TANGGUNGJAWAB

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini membidas parti-parti pembangkang yang enggan menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara kedua (MAPEN II) sebagai tidak mempunyai rasa tanggungjawab.

Perdana Menteri berkata mereka tidak mahu terikat dengan apa juga keputusan yang dibuat oleh majlis itu kelak supaya mereka sebagai "parti hentam" boleh menghentam apa sahaja keputusan.

"Jadi inilah cara pembangkang, tidak ada langsung "sense of responsibility," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini malam ini.

Beliau berkata apabila kerajaan hendak membuat sesuatu dan cuba merundingi mereka, parti-parti pembangkang enggan menyertai dan apabila tidak dirundingi pula mereka akan berkata kerajaan tidak merundingi mereka.

Katanya, parti-parti pembangkang itu kemudian dengan mudah menuduh kononnya kerajaan yang ada tidak baik kerana tidak pernah bertanya pun kepada mereka sedangkan sebenarnya apabila dipanggil mereka yang tidak mahu datang.

"Dia ada unsur-unsur takut sikit," katanya.

Ketika diminta mengulas alasan pembangkang kononnya kerajaan tidak pernah mengambil pandangan mereka, Dr Mahathir berkata, "Siapa kata tak pernah, banyak pandangan yang kita dah ambil... tinggal lagi dia nak 'claim' kalau kita buat sesuatu itu dia punya cadangan .. itu lainlah, yang itu politik."

Parti-parti pembangkang iaitu DAP, Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia dilaporkan berkata mereka yang bermesyuarat Khamis lepas membuat keputusan untuk tidak menyertai MAPEN II.

Antara alasan yang diberikan ialah kononnya majlis itu hanya helah kerajaan untuk menunjukkan ia terbuka dan bersedia berbincang dengan pembangkang.

Dr Mahathir berkata MT malam ini juga bersetuju bahawa penting bagi kerajaan pusat, kerajaan negeri dan pemaju perumahan mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah terutama peruntukan kepada Bumiputera.

Katanya, urusan pengambilan tanah untuk tujuan itu juga harus dibuat dengan cepat.

Beliau berkata MT juga mengkaji kedudukan politik semasa negara dan mendapati usaha masih perlu dibuat untuk memberikan penjelasan kepada anggota dan penyokong Umno yang akan diuruskan oleh Pergerakan Pemuda dan Wanita, Anggota MT dan Menteri-menteri Besar serta Ketua-ketua Menteri.

Sebelum mesyuarat itu, Dr Mahathir menyerahkan sumbangan lebih RM21,000 untuk Tabung Barisan Bertindak Kosovo yang dikutip semasa Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini kepada wakil TV3.

-- BERNAMA

MNY FAZ